

PERSATUAN MAHASISWA ANAK TERENGGANU (PERMATA)

Agenda Pembangunan Mahasiswa merupakan satu aspek yang amat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Susulan itu . Pengurusan Yayasan Terengganu telah membuka 3 pejabat Sekretariat **PERMATA** di setiap Zon iaitu Zon Tengah di Kampung Baru, Kuala Lumpur, Zon Selatan di Batu Pahat, Johor dan Zon Utara di Sintok, Kedah. Pejabat Induk Sekretariat Persatuan Mahasiswa Terengganu (PERMATA) telah dibuka dan beroperasi secara rasmi di Tingkat 4, Bangunan Yayasan Terengganu mulai 1 September 2014 yang lalu. Sekretariat PERMATA Induk ini ditubuhkan bagi menyelaras program dan aktiviti 20 buah Persatuan Mahasiswa Terengganu (PERMATA) di IPTA termasuk hampir 32 buah IPTS selain menjadi pusat gerakan PERMATA Induk itu sendiri.

MATLAMAT

- Merapatkan ukhwah antara mahasiswa/i anak Terengganu di seluruh universiti di Malaysia
- Memupuk semangat kekeluargaan dalam kalangan mahasiswa/i.
- Menyemai semangat berorganisasi dalam kalangan mahasiswa/i.
- Melahirkan dan melatih mahasiswa/i di dalam kepimpinan.

AYAH ANGKAT PERMATA UNIVERSITI

- PERMATA di setiap universiti, mempunyai ayah angkat sebagai penasihat yang terdiri daripada Yang Berhormat ADUN.
- Setiap PERMATA boleh memohon peruntukan tambahan untuk menjalankan program daripada YB ayah angkat PERMATA masing-masing

FUNGSI & PERANAN PEJABAT ZON

- Pusat Sehenti Mahasiswa Terengganu (Student One Stop Centre).
- Pusat Membantu Hal Ehwal Kebajikan Mahasiswa.
 - Pusat Membangun Modal Insan (SOFTSKILL) Mahasiswa.
- Pusat Pangkalan Data Siswazah & Maklumat Kerjaya.
- Bilik Gerakan Operasi PERMATA IPT Setiap Zon.
- Pusat Persinggahan/ Penginapan Sementara (Budget Lodge).



<https://www.facebook.com/Permataterengganu/>



<https://instagram.com/permataterengganu>